

15 MAY, 2024

## 140,000 tan beras tempatan sudah berada di pasaran

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

# 140,000 tan beras tempatan sudah berada di pasaran

Oleh AHMAD FADHLULLAH  
ADNAN  
utusannews@mediamulia.com.my

**SERDANG:** Sebanyak 140,000 tan stok padi dan beras tempatan sudah berada di pasaran ketika ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sehubungan itu rungutan berhubung ketiadaan bekalan beras tempatan ketika ini semakin berkurangan berbanding beberapa bulan lalu.

"Memang berlaku kelompongan dalam sektor berkenaan, namun pihak Kawal Selia Padi dan Beras serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa memerhati dan cuba bertindak dengan segera," katanya kepada pembeberapa selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, semalam.

Dalam pada itu katanya, negara berpotensi terus berdepan dengan isu ketiadaan bekalan beras tempatan sekiranya tidak mencapai 80 peratus kadar sara diri (SSR).

Katanya, ini kerana negara pengeluar ada hak untuk menghentikan atau meneruskan eksport bekalan mereka.

Beliau memberi contoh se-



**MOHAMAD** Sabu bertanyakan sesuatu kepada salah seorang peserta ketika melawat reruai pameran selepas merasmikan Konvensyen Pengembangan Veterinar dan Hari Inovasi 2024 di Dewan Bankuet, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

perti isu bawang selepas India membenarkan semula eksport bekalan terbabit.

"Adakah kita nak henti usaha tanam bawang di Malaysia? Saya kata teruskan kerana hak negara pengeluar untuk henti atau teruskan eksport.

"Tetapi, kita kena bersedia, di peringkat bawang, sekurang-kurangnya kita kena ada 30 peratus (SSR) menjelang 2030.

"Beras pun begitu, hak negara pengeluar untuk eksport sebab mereka pun mahu mengutamakan kepentingan rakyat mereka sendiri," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad menekankan keperluan inovasi SSR dalam bidang ruminan seperti yang digariskan.

"Kita masih jauh, berada di bawah 20 peratus menyediakan kecukupan daging di Malaysia

dan bergantung import tinggi sama ada daripada Australia, New Zealand, India dan berbagai negara lain," katanya.

Justeru, katanya, kerjasama semua pihak termasuk kerajaan negeri penting dalam meningkatkan SSL semua sektor.

Katanya, ini kerana sektor ternakan ini perlu kepada tanah yang agak luas, maka perlu kerjasama khasnya kerajaan negeri.



15 MAY, 2024

## 140,000 tan beras tempatan sudah berada di pasaran

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SERDANG: Sebanyak 140,000 tan stok padi dan beras tempatan sudah berada di pasaran ketika ini. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, sehubungan itu rungutan berhubung ketiadaan bekalan beras tempatan ketika ini semakin berkurangan berbanding beberapa bulan lalu.